

06/10/1997

Ahli Umno perlu awasi media asing

KUALA TERENGGANU, Ahad - Semua ahli Umno perlu mengambil langkah dan tidak membiarkan media asing terus bertindak dengan sewenang-wenangnya, termasuk mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor, berkata tindakan media antarabangsa terbabit, Time International dan Newsweek dianggap keterlaluan dalam usaha menggugat kestabilan politik negara.

"Mereka (media asing) tidak perlu mendesak kerana Dr Mahathir sudah membuat kenyataan sebelum ini, termasuk dalam Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, bahawa beliau akan melepaskan jawatan apabila tiba masa nanti," katanya.

Dr Yusof berkata, bukan setakat ahli Umno dan pemimpin politik, malah ahli perniagaan dan tokoh korporat juga perlu bertindak menangani masalah itu.

Beliau berkata, ahli Umno juga perlu menyokong usaha Perdana Menteri memulihkan kedudukan mata wang dan ekonomi negara.

"Mereka perlu yakin dengan usaha Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menangani masalah baru yang melanda negara sekarang," katanya.

Menurutnya, media asing sentiasa mencari jalan untuk menggugat kestabilan politik negara kerana mereka bimbang dengan kemajuan yang dicapai.

Mengenai cadangan menjadikan Maahad Tahfiz sebagai institut penyelidikan al-Quran, Dr Yusof berkata, kajian mengenainya sedang dijalankan untuk menaikkan taraf maahad itu.

"Pusat itu bukan sahaja menjadi tempat menghafal al-Quran, malah menghayati kandungan al-Quran bagi membantu menyelesaikan pelbagai masalah semasa," katanya.

(END)